

Selain memberi tumpuan pada pengajian, mahasiswa dan mahasiswi tiga universiti utama setempat – Universiti Nasional Singapura (NUS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) – menunjukkan komitmen dalam mengasah bakat mereka di bidang seni. **NURMAYA ALIAS** (nurmaya@sph.com.sg) melaporkan.

Semarak seni kampus

USAHA menyemai seni dan menjadikannya sebahagian daripada pengalaman pendidikan penuntut Universiti Nasional Singapura (NUS) dianggap penting dalam membina kreativiti dan pemikiran kritikal mahasiswa dan mahasiswi.

Universiti itu mempunyai program seni berstruktur di kampus dan infrastruktur fizikal khusus bagi acara seni seperti Pusat Kebudayaan Universiti (UCC).

Itu yang dikongsi Pengarah Pusat Seni NUS (CFA), Cik Sharon Tan KH, semasa mengulas perkembangan seni di kampus universiti tersebut.

Menjelaskan peranan CFA dalam membina suasana seni dinamik, Cik Tan berkata: "Walaupun acara seni dianjurkan penuntut, kami mempunyai tenaga kerja penuh masa yang membantu

mengembangkan kumpulan seni yang berpotensi.

"Jurulatih dan pengarah seni profesional turut bekerjasama menghasilkan penerbitan seni bermutu."

NUS mempunyai sekitar 22 kumpulan seni pelajar.

Lantaran itu, adalah satu pencapaian membanggakan apabila kumpulan tari NUS Ilsa Tari diberikan Anugerah Seni Tan Ean Kiam Ketujuh pada Oktober lalu bagi kategori Penerbitan Terbaik *Whispers of Temasek* dan Kumpulan Terbaik 2015.

Kumpulan itu terdiri daripada 25 anggota termasuk anggota alumni.

Ya dibimbing oleh pengarah artistik dan jurutari mapan, Encik Osman Abdul Hamid, sejak 1996.

Sempena persembahan tari tersebut, kumpulan itu telah menganjurkan sesi dialeg 'Sembang, Santai, Seni' dengan jurutari dan penga-



KUPAS ISU TERKINI: Anggota NUS Ilsa Tari berharap dapat menerap lebih banyak kesedaran tentang isu semasa dalam kalangan masyarakat menerusi persembahan tarian mereka di bawah bimbingan pengarah artistik, Encik Osman Abdul Hamid (*belakang*). – Foto NUS ILSA TARI

rah artistik daripada pelbagai kumpulan tari Melayu setempat bagi membincangkan beberapa isu penting berkaitan tarian Melayu.

Tahun ini, NUS Ilsa Tari berharap dapat menyuntik minat dalam kalangan masyarakat Singapura bagi mengetahui lebih lanjut tentang warisan Melayu, dengan mengemukakan gerak seni tari tradisional.

Presiden NUS Ilsa Tari, Cik Siti Amirah Alzahar, berkata: "Kami berharap dapat menerapkan lebih keseda-

ran tentang isu-isu masa kini dalam kalangan masyarakat menerusi tarian.

"Penerbitan tahunan kami selalu meneroka pelbagai isu yang kami rasa penting bagi merangsang pemikiran masyarakat."

Bagi memberi pendedahan dalam bidang tari, Encik Osman membawa anggota kumpulan itu ke Institut Seni Indonesia (ISI) Yogyakarta tahun lalu.

"Penuntut dapat melihat dan rasa bagaimana menjadi penuntut tari sepenuh masa.

Kami beri mereka pendekatan demikian supaya mereka boleh bawa dan berkongsi pengalaman ini, sendainya ada yang menjadi pendidik selepas tamat pengajian nanti," kata Encik Osman.

Buat masa ini, kumpulan tari tersebut sedang merancang bengkel tari yang akan diadakan hujung Julai atau awal Ogos ini.

Persembahan tarian tahunan kumpulan tersebut pula dijadualkan pada September ini.



PALUAN MUZIK TRADISIONAL: Kumpulan kompiang baru Rentak ditubuhkan di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) Januari lalu bagi menyebarkan kesedaran tentang muzik tradisional Melayu dalam kalangan penuntut. – Foto RENTAK

PALUAN kompiang meriah kedengaran setiap Selasa di Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Alat muzik tradisional itu dimainkan oleh kumpulan kompiang Rentak, yang baru ditubuhkan pada Januari lalu.

Naib Presiden kelab kebudayaan dan bahasa Melayu (Persadamu) SMU, Encik Ahmad Saifulah Mustafiz, 22 tahun, berkata: "SMU Persadamu mahu mengembangkan aliran seni pada tahun ini.

"Kami pernah mempunyai kum-

Melestari muzik tradisional Melayu

pulan tari tetapi ia dihentikan kerana jumlah penyertaan agak rendah. Kami kemudian menubuhkan Rentak dengan visi memberi kesedaran terhadap muzik tradisional Melayu di kalangan penuntut SMU."

Sejauh ini, Rentak mempunyai 17 anggota termasuk penuntut dari Indonesia, India dan Taiwan.

Mereka kini dalam proses latihan asas, mempelajari rentak dan teknik di bawah bimbingan Safwan Johari dan Mohd Syami daripada kumpulan kompiang Andika Prak Bing Bing.

"Antara harapan saya agar kumpulan kompiang kami dapat mengeratkan silaturahim antara penuntut SMU dan memainkan peranan lebih aktif dengan menyertai acara-acara SMU," kata Encik Ahmad Saifulah.

Menurutnya, Rentak mendapat sokongan pejabat ehwal pelajar SMU.

Berkongsi harapan buat kumpulan kompiang itu, jurulatih Safwan berkata beliau mahu berkongsi pengetahuan seni dan budaya kompiang serta mencipta suasana pembelajaran yang menyeronokkan bagi penuntut.

Kumpulan itu akan membuat persembahan pertama mereka pada acara malam kebudayaan pada Mei ini sempena satu persidangan perpustakaan antarabangsa anjuran SMU, selain terlibat dalam Sukan Universiti Asean ke-18 Julai ini.

Encik Ahmad juga berkata aliran sastera kelab SMU Persadamu akan menganjurkan persembahan teater bertemakan *Segar*, September ini.

Pesta Seni NUS

TARIAN PENUTUP: Mahasiswa Universiti Nasional Singapura (NUS) dalam acara penutup Pesta Seni NUS 2016 berjudul *Overdrive III: The Final Chapter* – Foto NUS ARTS FESTIVAL 2016



PESTA Seni Universiti Nasional Singapura (NUS) ke-11 bekerjasama dengan Pusat Teknologi Kuantum NUS bagi memberi nafas baru pada cabang sains rumit – berkaitan dengan partikel amat kecil seperti atom – menerusi karya seni seperti lagu dan tarian.

Pesta bertemakan *Wonder* itu mempunyai lebih 30 persembahan dan sedang ber-

langsung hingga 26 Mac ini di pelbagai tempat di NUS.

Pengarah Festival, Cik Mary Loh, berkata: "Kami mahu memberi penuntut cabaran lebih besar tahun ini. Apabila mereka membuat kajian tentang teori kuantum, mereka perlu benar-benar memahami teori itu."

Salah satu acara menarik ialah *Digital Dondang Sayang*, yang

akan diadakan pada 8 malam, Jumaat dan Sabtu ini, di NUS Baba House.

Acara penutup pesta tersebut, *Overdrive III: The Final Chapter*, menyaksikan penari NUS bergabung dengan Ricky Hu (China/Hongkong) dan Kentaro!! (Jepun).

Senarai acara seni yang lain terdapat di laman web nusartsfestival.com.

Siap sedia bagi 2018

ANGGOTA kumpulan tari Universiti Teknologi Nanyang (NTU) BezTari kini memberi tumpuan pada latihan, sebagai persiapan persembahan tari pada 2018 dari segi artistik dan pentadbiran.

Mereka pernah membuat persembahan tarian bagi tahun akademik 2015/2016 berjudul *Asal* pada 20 Februari lalu.

"Berdasarkan maklum balas terhadap *Asal*, kami masih perlu memperbaiki gerak tari asas kami. Oleh itu, kami perlu berlatih dari sekarang supaya kami dapat memimpin anggota baru dengan lebih baik nanti."

"Maka, arah NTU BezTari tahun ini ialah kembali kepada asas," kata bendaharu NTU BezTari, Cik Nurul



TERUS BAIKI TARI: Biarpun sudah tamat persembahan tari buat tahun akademik 2015/2016 berjudul *Asal*, kumpulan tari NTU BezTari terus berlatih membaiki gerak tari asas mereka. – Foto NTU BEZTARI

"Amirah Arifin, 22 tahun, mahasiswi jurusan sosiologi.

Kumpulan tari itu dibimbing jurutari mapan, Encik Azmi Juhari, sejak ia ditubuhkan pada 2008.

Selain seni tari, Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu (Perbayu) NTU akan me-

nyampaikan pementasan dua tahun sekali, *Awallah Dondang 2016*, pada 20 dan 21 Mei ini di Playden, The Arts House.

Pementasan teater berjudul *Hak* pula akan memaparkan beberapa isu masyarakat Melayu seperti agama dan sosial.